

SULIT



UNIT PEPERIKSAAN  
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

1103/2

Bahasa Melayu

Tingkatan 5

Kertas 1

Mei 2017

2 1/4 jam

minit

Dua jam lima belas

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi,*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[ 30 markah]

*Lihat gambar di bawah dengan teliti*

*Huraikan pendapat anda tentang prakarsa memajukan industri pelancongan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

**INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA**

- ✓ Memperlengkap kemudahan pengangkutan
- ✓ Menyediakan kemudahan penginapan
- ✓ Menyediakan kemudahan maklumat



**Pulau Langkawi**



**Bukit Nopunguk, Kota Belud**



**Desa Farm Kundasang, Ranau**

**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

*Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

1. Semangat patriotik dalam kalangan murid semakin luntur.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan murid.
2. Semangat kejiwaan semakin hari semakin luntur dalam kalangan masyarakat.  
Jelaskan peranan ibu bapa dalam usaha memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan anak-anak.
3. Aktiviti manusia telah menyebabkan bekalan air berlaku di beberapa tempat di negara kita sehingga mendatangkan pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.  
Berikan komen anda.
4. Walaupun Hari Bumi diisytiharkan dan disambut pada 22 April setiap tahun, kemusnahan bumi dilihat menjadi masalah utama bagi negara-negara di dunia.  
Jelaskan bentuk-bentuk sumbangan yang dapat diberikan oleh semua negara di dunia untuk menyelamatkan bumi.
5. Peribahasa 'Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan' merujuk keadaan seseorang yang terpaksa menanggung kerugian akibat terburu-buru mengambil sesuatu keputusan.  
Bincangkan kerelevanan maksud peribahasa tersebut dengan situasi kehidupan seharian masyarakat di negara kita.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT

1103/2



UNIT PEPERIKSAAN  
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

1103/2

Bahasa Melayu

Tingkatan 5

Kertas 2

Mei 2017

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi,*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara menguruskan kewangan dan peranan pelbagai pihak mendidik masyarakat supaya berbelanja secara berhemat. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Umumnya, hanya sebilangan kecil generasi di negara kita yang bijak menguruskan kewangan. Kebanyakan daripada mereka gagal menguruskan kewangan atas pelbagai factor. Antaranya, mereka lebih mementingkan gaya hidup tanpa memikirkan kesannya terhadap kemampuan kewangan mereka. Amalan suka memiliki telefon pintar atau alat berteknologi tercanggih di pasaran dan bertukar-tukar model terbaharu menjadi trend generasi kini. Hal ini menunjukkan generasi muda perlu mempunyai ilmu tentang pengurusan kewangan lebih-lebih lagi semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Sewajarnya, generasi muda dinasihati supaya tidak membazir ketika berbelanja. Hal ini dikatakan demikian kerana sebilangan daripada mereka gemar membeli barangan berjenama yang mahal harganya yang menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam menguruskan kewangan. Mereka sepatutnya menyediakan senarai perbelanjaan untuk memastikan kewangan sentiasa terurus.

Kebanyakan generasi muda yang baru memasuki alam pekerjaan perlu membayar balik wang pinjaman pembiayaan pelajaran. Dalam hal ini, mereka sepatutnya memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan bulanan untuk membayar balik wang pinjaman tersebut. Perkara ini sangat penting bagi memastikan mereka dapat menguruskan kewangan masing-masing. Dalam hal perkahwinan pula generasi muda gemar memilih pakej perkahwinan yang terdapat di pasaran. Mereka seharusnya memilih pakej perkahwinan mengikut kemampuan masing-masing. Pada masa yang sama, kos yang tinggi diperlukan untuk memulakan penghidupan baru dalam berkeluarga. Oleh hal yang demikian, pasangan yang baru berkahwin disarankan supaya tinggal bersama-sama ibu bapa sebagai langkah penjimatan. Dalam tempoh berkenaan, pasangan tersebut dapat menabung untuk dijadikan wang pendahuluan bagi membeli rumah. Sebenarnya, pembelian rumah pada usia muda adalah lebih baik untuk mendapatkan tempoh pembiayaan yang lebih anjal. Bagi pasangan yang menyewa rumah, mereka perlulah memastikan kadar sewaan rumah tidak melebihi 30 peratus pendapatan bulanan isi rumah.

Pengurusan kewangan juga perlu diberi perhatian sebelum sesebuah keluarga merancang untuk melancong. Kebanyakan keluarga di Malaysia akan melancong sekurang-kurangnya sekali dalam setahun kerana pelancongan merupakan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Sehubungan dengan itu, perancangan awal untuk menguruskan kewangan bagi tujuan melancong perlu dilakukan. Kita juga janganlah mengikut nafsu ketika berbelanja terutamanya apabila kita mempunyai wang yang lebih. Sebagai contoh, apabila mendapat bonus, pelbagai keinginan akan terlintas dalam fikiran seperti kereta baharu, perabot baharu dan percutian. Pengurusan kewangan menjadi semakin mencabar apabila kad kredit mudah dimiliki. Penggunaan kad kredit secara sewenang-wenangnya menyebabkan penggunanya menanggung beban hutang. Oleh itu, perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit perlu dikawal. Sesungguhnya kejayaan dalam pengurusan kewangan seseorang bergantung pada usaha masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Gen Y Suka Membazir'  
oleh Alzahrin Alias,  
*Berita Harian*, 15 Mac 2014

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) -Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengeratkan hubungan*.  
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan bahawa generasi muda gagal menguruskan kewangan atas pelbagai faktor.  
Kemukakan **faktor-faktor** tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Aktiviti melancong bersama-sama keluarga memerlukan kos yang agak tinggi.  
Jelaskan pendapat anda tentang **cara-cara** untuk memastikan aktiviti melancong bersama-sama keluarga tidak membebankan kewangan.  
[4 markah]

SULIT

3

1103/2

**Soalan 2(b) -Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

AZMIR: Memang sistem itu dicipta oleh manusia, tetapi pada tahap akhirnya, sistem itu disahkan oleh rakyat. Rakyat yang menentukan. Rakyat yang membenarkan. Rakyat yang merestuinnya. Tanpa kebenaran, restu dan pengesahan rakyat, wang dan kuasa kehilangan makna. Jadi, pada hakikatnya sistem itu dicipta oleh rakyat, bukan oleh manusia. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat lebih besar daripada manusia. Rakyat lebih berkuasa daripada wang. Rakyat lebih berkuasa daripada kuasa.

PELAKON III: *(Berbisik dengan PELAKON I).* Kau faham apa yang diperkatakan tu?

PELAKON I: *(Kepada Azmir).* Tidakkah sesuatu sistem itu mempunyai kelemahan tertentu? Kalau begitu, bagaimana sistem itu hendak mengawal wang, manusia dan kuasa?

AZMIR: Suatu sistem itu mungkin terdapat kelemahan tertentu tetapi sejarah telah membuktikan bahawa rakyat senantiasa akan membetulkannya. Soalnya, cepat atau lambat. Sejarah juga telah membuktikan bahawa kemenangan senantiasa memihak kepada rakyat. Saudara-saudara jangan bimbang, sistem baik adalah bagaikan segala nilai dan norma serta tradisi yang telah berakar umbi dalam budaya sendiri. Bagaimana sukarnya kita menolak institusi-institusi tertentu yang terdapat pada sesebuah masyarakat itu, begitulah sukarnya kita menolak sesuatu sistem yang mantap dan bertapak kukuh di hati rakyat. *(AZMIR kemudian memegang kepalanya seakan-akan sedang menahan kesakitan).*

Dipetik daripada  
Drama Bukan Gila  
dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah kuasa yang ada pada rakyat terhadap sistem yang dicipta oleh manusia?  
[2 markah]
- (ii) Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam tamadun manusia telah tercatat dalam sejarah sejak sekian lamanya.  
Pada pendapat anda, apakah kepentingan sejarah dalam kehidupan masyarakat?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan drama.  
[4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka ada seorang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka dia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, “Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri dimana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan *hendak mencerca* hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?”

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Dipetik daripada  
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *hendak mencerca*.

[2 markah]

(ii) Nyatakan reaksi Tun Perak apabila dititahkan oleh Sultan Muzaffar Syah menghadap baginda kerana dikatakan menganiyai seorang orang Kelang.

[ 3 markah]

(iii) ‘Rakyat mempunyai tanggungjawab yang sangat besar kepada raja dan negara’



Pada pendapat anda, apakah tanggungjawab rakyat terhadap raja dan negara.

[3 markah]

1103/2 ©2017 Hak cipta GCJM

SULIT

SULIT

5

1103/2

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar terseram sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat gantung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu ular.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Dipetik daripada teks  
*Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Nyatakan **dua** ciri seni ukiran yang digunakan dalam pembinaan istana.

(2 markah)

(ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengekalkan bangunan bersejarah?

(3 markah)

(iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam seloka tersebut.

(4 markah)

1103/2 ©2017 Hak cipta GCJM

SULIT

SULIT

6

1103/2

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham aka perbezaan dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) melipatgandakan
- (ii) mengucar-ngacirkan
- (iii) menguatkuasakan
- (iv) mengemaskinikan
- (v) mencampur-adukkan
- (vi) menguar-uarkan

(b) *Tukar **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Saya akan mengalihkan pasu-pasu bunga itu ke halaman rumah esok.
- (ii) Pelancong dari luar negara mengagumi keunikan budaya rakyat Sabah
- (iii) Landoi menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan surau secara sukarela

[ 6 markah ]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pertandingan diklamasi puisi sempena hari kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka telah mendapat disertai daripada pelbagai kaum.
- (ii) Perasaan curiga atau was-was merupakan masalah yang dialami oleh sesetengah orang sehingga menyukari seseorang itu menilai dan membuat keputusan terhadap sesuatu perkara.

- (iii) Jabatan Imigresen memaklumkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang dapat dikaitkan dengan sinareo peningkatan ketara dari segi kemasukkan pekerja asing ke negara kita.

[ 6 markah]

1103/2 ©2017 Hak cipta GCJM

SULIT

SULIT

7

1103/2

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelancong daripada Jepun itu terpegun semasa melihat kemahiran orang buta itu menyulam bakul rotan dengan pantas.
- (ii) Kerajaan seharusnya memberikan pembebasan cukai atas pembelian rumah mampu milik demi untuk meringankan bebanan rakyat yang berpendapatan rendah.
- (iii) Kementerian Pendidikan mengingatkan pentadbiran sekolah yang mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya menyimpan kes disiplin yang berlaku di sekolah masing-masing.

[6 markah]

(e) *Baca dialog di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.*

Pak Perasaan ingin mencuba sesuatu yang baharu memang sentiasa wujud dalam diri  
Ali: seseorang remaja. Walau bagaimanapun, akal dan fikiran yang rasional perlu diutamakan kerana ..... (1).....

Puan Betul kata ayah kamu. Golongan remaja tidak harus melakukan sesuatu perkara  
Salma: dengan terburu-buru. Mereka perlu .....(ii)..... apatah lagi jika sesuatu itu melibatkan masa hadapan mereka.

Nurul Baiklah,ibu. Baiklah,ayah. Saya akan sentiasa ingat akan pepatah masyarakat  
Erna: kita, iaitu, .....(iii)..... . Saya berjanji akan melengkapkan diri saya dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

**Soalan 4: Novel**  
[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **persoalan kasih sayang berserta contoh yang sesuai** seperti yang diketengahkan dalam novel tersebut.

[ 7 markah]

- (a) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu pengajaran berkaitan dengan semangat kerjasama** yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**